

TERHAD



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2023**  
**PERNIAGAAN**  
**PROJEK**  
**Kertas 3**

**3766/3**

- 
- 
1. *Kertas ini mengandungi **satu** tugas projek.*
  2. *Calon wajib melaksanakan tugas tersebut secara individu.*
  3. *Calon hendaklah menyempurnakan projek ini dengan merujuk kepada elemen, aspek dan kriteria yang telah ditetapkan.*
  4. *Projek ini hendaklah dilaksanakan oleh calon **SPM 2023** dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.*
  5. *Calon dikehendaki melengkapkan Jadual Pelaksanaan Tugas Projek untuk memastikan tugas projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.*
  6. *Calon dinasihatkan membuat perancangan yang teliti dan melaksanakan tugas dengan menggunakan perbelanjaan yang berpatutan dan munasabah.*

---

Kertas projek ini mengandungi 8 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah  
**TERHAD**

**TUGASAN PROJEK**

**1.0** Anda telah menjalankan sebuah perniagaan milikan tunggal pada Januari yang lalu. Perniagaan anda menjual peralatan sukan berasaskan salah satu daripada kategori berikut:

- 1.1 Sukan berbasikal
- 1.2 Sukan raket
- 1.3 Sukan larian

**2.0** Perniagaan yang dijalankan telah mengikut prosedur pendaftaran dan pelesenan perniagaan.

**3.0** Modal awal perniagaan terdiri daripada aset-aset berikut:

	RM
Kelengkapan	30 000
Bank	50 000

**4.0** Maklumat belian dan jualan adalah seperti berikut:

- 4.1 Belian pada bulan Januari adalah sebanyak RM \_\_\_\_\_ dan peningkatan belian pada bulan berikutnya adalah mengikut kesesuaian perniagaan.
- 4.2 Nilai jualan pada bulan Januari adalah sebanyak 150% - 180% daripada nilai belian. Peningkatan jualan pada bulan berikutnya adalah mengikut kesesuaian perniagaan.

**5.0** Tenaga pekerja

- 5.1 Pekerja terdiri daripada penduduk tempatan (warganegara Malaysia).
- 5.2 Majikan wajib membuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk pekerja tetap.
- 5.3 Carta organisasi perniagaan yang sesuai perlu dihasilkan.
- 5.4 Pembahagian kerja mengikut fungsian dan maklumat gaji pada awal penubuhan perniagaan adalah seperti berikut:

Pekerja	Gaji Minimum (RM)		Bilangan Pekerja	
	Pengurusan	Staf Sokongan	Pengurusan	Staf Sokongan
Pengurus Besar	3 500	-	1	-
Fungsian Pentadbiran dan Kewangan	3 000	1 500	1	1
Fungsian Operasi dan Pemasaran	3 000	1 500	1	1

**6.0** Kebelakangan ini, perniagaan anda mendapat permintaan yang tinggi daripada pelanggan. Sehubungan itu, anda bercadang untuk menambah keperluan modal perniagaan bagi memastikan kelangsungan prestasi perniagaan.

[Lihat halaman sebelah  
**TERHAD**

7.0 Beberapa sumber pembiayaan telah dikenal pasti bagi mencapai tujuan tersebut. Anda dikehendaki menyediakan satu Rancangan Perniagaan untuk dikemukakan kepada institusi kewangan atau agensi kerajaan yang dipilih untuk mendapatkan pembiayaan tersebut.

Agensi	Syarat Kelayakan	Amaun Pinjaman	Tempoh Pembiayaan
Tekun Nasional	<b>Skim Pembiayaan Sederhana (SPS)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat 100 % hak milik bumiputera dan warganegara.</li> <li>Mempunyai tempat / lokasi perniagaan yang khusus.</li> <li>Kadar faedah 4 %.</li> </ul>	RM50 000 hingga RM100 000	120 bulan
Bank Simpanan Nasional (BSN)	<b>BSN Semarak Sukan / BSN Semarak</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dimiliki oleh warganegara Malaysia.</li> <li>Perniagaan perlu beroperasi sekurang-kurangnya 6 bulan.</li> <li>Kadar faedah 4 %.</li> </ul>	Sehingga RM50 000	66 bulan
	<b>BSN Semarak Muda</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dimiliki oleh warganegara Malaysia.</li> <li>Perniagaan perlu beroperasi sekurang-kurangnya 6 bulan.</li> <li>Belia berumur 30 tahun ke bawah.</li> <li>Kadar faedah 4 %.</li> </ul>	Sehingga RM50 000	66 bulan
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	<b>Skim Pembiayaan Perniagaan Mudah Jaya (SPiM)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat 100 % hak milik bumiputera dan warganegara.</li> <li>Perniagaan perlu beroperasi sekurang-kurangnya 6 bulan.</li> <li>Kadar faedah 4 %.</li> </ul>	Sehingga RM250 000	12 - 120 bulan
SME Bank	<b>Business Accelerator Program</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dimiliki oleh warganegara Malaysia.</li> <li>Perniagaan perlu beroperasi sekurang-kurangnya 6 bulan.</li> <li>Kadar faedah 4 %.</li> </ul>	RM50 000 hingga RM1 000 000	120 bulan

[Lihat halaman sebelah  
TERHAD

**8.0** Perbelanjaan perniagaan

- 8.1 Sewaan premis minimum RM2 500 sebulan.
- 8.2 Pengambilan pekerja baharu mengikut keperluan semasa perniagaan.
- 8.3 Aset bukan semasa disusutnilaikan pada kadar 4 % - 8 % setahun atas kos.
- 8.4 Kenderaan perlu dibeli secara sewa beli.
  - 8.4.1 Tempoh pembiayaan adalah antara lima hingga tujuh tahun.
  - 8.4.2 Kadar faedah antara 3 % - 5 % setahun.
  - 8.4.3 Margin pinjaman sehingga 90 %.
- 8.5 Peniaga perlu memilih kaedah promosi yang sesuai dan terkini.
- 8.6 Pemandu dikehendaki mengambil lesen kenderaan barangan (Lesen GDL).
- 8.7 Kos-kos lain yang sesuai.

**9.0** Galakan oleh pihak kerajaan

- 9.1 Kementerian Pembangunan Usahawan menggalakkan para belia menyertai bidang perniagaan dan keusahawanan.
- 9.2 Program Latihan Pembangunan Usahawan
  - 9.2.1 Program Tunas Usahawan Bumiputera (TUBE) oleh SME Corp. Malaysia
  - 9.2.2 Kursus Pembangunan Usahawan dan Latihan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
  - 9.2.3 Program Latihan Keusahawanan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA)
  - 9.2.4 Latihan Asas Industri (INBT) dalam sukan & aktiviti lasak oleh Institusi Keusahawanan Negara (INSKEN)
  - 9.2.5 Latihan Asas Keusahawanan oleh Institusi Keusahawanan Negara (INSKEN)

**10.0** Rancangan Perniagaan yang dikemukakan hendaklah mempunyai format berikut:

- 10.1 Ringkasan Eksekutif
- 10.2 Pengenalan
- 10.3 Latar Belakang
  - 10.3.1 Perniagaan
  - 10.3.2 Pemilik
- 10.4 Rancangan Pentadbiran / Organisasi
- 10.5 Rancangan Operasi
- 10.6 Rancangan Pemasaran
- 10.7 Rancangan Kewangan
- 10.8 Penutup
- 10.9 Lampiran (dokumen sokongan)

- 11.0** Anda mestilah mempersembahkan konsep, kreativiti dan idea produk dalam bentuk pembentangan projek atau interaksi sepanjang pelaksanaan tugas projek.
- 12.0** Idea perniagaan yang dipersembahkan mestilah menjurus kepada penjenamaan produk Malaysia. Anda digalakkan untuk mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber.
- 13.0** Rancangan Perniagaan ini boleh dihasilkan secara bertulis atau menggunakan perisian komputer. Sekiranya bertulis, tulisan hendaklah kemas manakala perkara berikut perlu dipatuhi jika berbantuan perisian komputer.
- 13.1 Fon : Arial / Times New Roman
- 13.2 Saiz fon : 11 *pt.* / 12 *pt.*
- 13.3 Saiz fon bagi tajuk besar atau kecil bergantung kepada kesesuaian
- 13.4 Saiz kertas : A4
- 14.0 Rancangan Perniagaan yang lengkap disertakan bersama draf** mesti dikemukakan oleh calon secara individu sebagai **evidens proses kerja**.
- 15.0** Setiap elemen akan dikurangkan satu gred sekiranya Rancangan Perniagaan tidak disertakan dengan draf.
- 16.0** Semua bentuk lakaran, lukisan, gambar rajah atau tulisan mestilah jelas.
- 17.0** Gambar atau ilustrasi tambahan hendaklah dilekatkan dengan kemas supaya tidak tercicir.
- 18.0** Calon diperuntukkan 12 minggu untuk menyiapkan tugas projek. Contoh Jadual Pelaksanaan Tugas Projek adalah seperti di **Lampiran 1** (Halaman 6).
- 19.0** Calon dikehendaki menandatangani borang Perakuan Calon tentang ketulenan tugas projek yang dihasilkan di **Lampiran 2** (Halaman 7).
- 20.0** Calon juga perlu menyertakan Senarai Semak dan Penilaian Guru di dalam tugas projek seperti di **Lampiran 3** (Halaman 8).

## TUGASAN TAMAT

### Jadual Pelaksanaan Tugas Projek

PROSES TUGASAN	TEMPOH PELAKSANAAN											
	MINGGU											
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Taklimat Tugas oleh Guru												
Penyerahan Tajuk												
Pengenalan												
Latar Belakang Perniagaan												
Latar Belakang Pemilik												
Rancangan Pentadbiran / Organisasi												
Rancangan Operasi												
Rancangan Pemasaran												
Rancangan Kewangan												
Ringkasan Eksekutif												
Penutup dan Isi Kandungan												
Pembentangan												
Penyerahan Rancangan Perniagaan yang Lengkap												
Penilaian Akhir												
<b>Kemasukan markah secara dalam talian ke Sistem Lembaga Peperiksaan</b>	<b>Sebelum 31 Disember 2023</b>											



**Perakuan Calon  
Ketulenan Hasil Tugas Projek Kertas 3766/3  
Sijil Pelajaran Malaysia  
Tahun 2023**

Saya mengakui bahawa hasil tugas projek yang dikemukakan untuk memenuhi syarat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2023 bagi mata pelajaran Perniagaan 3766/3 adalah tulen.

Nama Sekolah : \_\_\_\_\_

Nama Calon : \_\_\_\_\_

No. Pengenalan Diri : \_\_\_\_\_

Angka Giliran : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Borang perakuan ini mestilah disertakan di bahagian hadapan tugas Projek.

**Senarai Semak dan Penilaian Guru**

Angka Giliran :.....

No. Pengenalan Diri :.....

Bil.	Aktiviti dalam penghasilan tugas projek (Diisi oleh Calon)	Semakan 1		Semakan 2		Semakan 3	
		Gred	Tandatangan Guru / Tarikh	Gred	Tandatangan Guru / Tarikh	Gred	Tandatangan Guru / Tarikh